

## ELEMEN LATAR BELAKANG DIRI SEBAGAI PEMUDAHCARA PEMIKIRAN MORAL PASCA-KONVENTSIONAL GURU PELATIH

Norzihani Saharuddin

Nur Surayyah Madhubala Abdullah

Samsilah Roslan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

*norzihani@gmail.com*

**Abstract:** This study is aimed at explaining the elements that facilitate post-conventional moral thinking of Moral Education student teachers. Moral thinking is one of the important aspects that Moral Education teachers should have to become effective teachers. Incapability of Moral Education teachers in moral reasoning causes ineffective process of teaching and learning. This study was conducted to answer the research question: (1) What are the elements that facilitate post-conventional moral thinking of Moral Education student teachers? A qualitative research design using a case study approach was chosen for the study. Participants were selected based on the screening test called the 'Moral Thinking Scale'. A semi-structured interview technique was used to collect data from seven participants consisting of final year Moral Education student teachers. Data were analyzed and the emerging themes addressed the research question being investigated. This study found that four elements facilitate post-conventional moral thinking of Moral Education student teachers. These elements were family, religion, peers and attitude. Therefore, Moral Education teacher preparation programmes should consider the importance of incorporating these elements in the current programs to facilitate post-conventional moral reasoning of Moral Education student teachers and eventually produce quality teachers.

**Keywords:** *post-conventional moral thinking, moral education student teachers, family, religion, peers*

### PENGENALAN

Guru Pendidikan Moral yang berkualiti merupakan salah satu aspek penting yang perlu dicapai dalam memenuhi anjakan ketiga PPPM 2012-2025, yang mensasarkan penghasilan murid yang menghayati nilai dan mempunyai pemikiran moral yang tinggi(Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Kualiti guru Pendidikan Moral dilihat pada aspek keupayaan pemikiran moral guru untuk memahami kemoralan dalam konteks keadaan yang berbeza dengan berupaya menghayati prinsip-prinsip moral walaupun keputusan yang diambil itu bercanggah dengan undang-undang dan peraturan (Mensch, 2009). Oleh itu, guru Pendidikan Moral yang berkualiti mestilah mempunyai pemikiran moral yang matang (Mayhew, 2005).Ini bermakna guru Pendidikan Moral perlu mempunyai tahap pemikiran moral pasca-konvensional dalam memahami dan menyampaikan Pendidikan Moral dengan lebih berkesan.Malangnya, bukan semua guru pelatih khususnya guru pelatih Pendidikan Moral berada pada tahap pemikiran moral pasca-konvensional (Mayhew, 2008).Kurangnya keupayaan mereka dalam aspek pemikiran moral pasca-konvensional boleh menjadi punca mereka kurang kreatif dalam menyampaikan Pendidikan Moral dengan berkesan.

Temu bual dengan beberapa penyelia guru pelatih Pendidikan Moral yang menjalani latihan mengajar mendapati bahawa guru-guru pelatih tidak mempunyai kemahiran dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di dalam kelas. Mereka kurang berkemahiran dalam mempelbagaikan strategi pengajaran mereka bagi menggalakkan proses berfikir dalam kalangan murid-murid. Mereka juga gagal mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran kelas yang bersifat dua hala. Ini membayangkan bahawa pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral perlu difahami, khususnya berkenaan;mengapakah pemikiran moral mereka begitu?dan, adakah terdapat elemen yang memudah cara pemikiran moral mereka?

Sorotan kajian lalu mendapatiwujud elemen-elemen tertentu yang bertindak sebagai pemudah cara akhlak dan pemikiran moral seseorang. Namun, di Malaysia tidak banyak kajian dihasilkan untuk mengenal pasti elemen-elemen yang dapat memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional,khususnya yang melibatkan guru pelatih Pendidikan Moral. Jika ada pun, kajian yang pernah dijalankan adalah lebih mengkhusus kepada mengenal pasti tahap pemikiran moral pelajar di sekolah dan perkaitannya dengan tingkahlaku delingkuen (Azma, 2006).Kajian oleh Aswati (2007) pula mengkaji aspek skema taakulan akhlak pada sudut pelajar Melayu.

Justeru, kajian ini penting dijalankan untuk memahami secara mendalam elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Dapatkan kajian ini berguna untuk penambahbaikan kaedah penyampaian kursus-kursus dalam program penyediaan guru, supaya pemikiran moral guru pelatih dapat ditingkatkan ke tahap pasca-konvensional melalui pemahaman yang jelas tentang pengalaman latar belakang diri guru pelatih itu sendiri.

## TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral di sebuah institut pengajian tinggi.Tumpuan diberikan kepada kefahaman secara mendalam terhadap elemen-elemen yang memudahcara pemikiran moral pasca-konvensional mereka. Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk;

1. Mengenal pasti elemen latar belakang diri yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral

## SOALAN KAJIAN

Berdasarkan tujuan dan objektif kajian tersebut, kajian ini akan menjawab soalan berikut;


1. Apakah elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral?
  - (a) Adakahpengalaman latar belakang diri memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional?
  - (b) Bagaimanakah pengalaman latar belakang diri memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional?

## KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini bermula dengan menyelidiki elemen-elemen pemudah cara pemikiran moral pasca-konvensional melalui latar belakang diri peserta kajian dan pengalaman pendidikan mereka. Latar belakang diri dalam kajian ini berkaitan pengalaman bagaimana peserta kajian dibesarkan, berinteraksi dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat. Manakala pengalaman pendidikan pula adalah berkaitan pengalaman peserta kajian mengikuti kursus-kursus teras dalam program Bacelor Pendidikan Moral dari aspek pendekatan, teknik, dan gaya yang dikatakan memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional mereka.

Elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional tersebut dikaji berdasarkan *Model of Teaching and Learning Process* oleh Huitt (1995) yang diubahsuai melalui tiga komponen iaitu input, konteks dan output. Berdasarkan Rajah 1,“input” diletakkan sebagai elemen latar belakang diri yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Manakala “konteks” pula adalah pengalaman mengikuti kursus-kursus teras dalam Program Bacelor Pendidikan (Pendidikan Moral) yang meliputi proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan pengalaman kursus, pendekatan dan teknik pengajaran dalam kuliah. Output pula adalah guru Pendidikan Moral yang berkualiti yang mempunyai pemikiran moral pasca-konvensional yang mantap.

Dalam menyelidiki komponen ‘input’, guru pelatih Pendidikan Moral ditinjau pengalaman mereka melalui sesi temu bual. Kajian untuk menyelidiki komponen ‘konteks’ dilakukan dengan meninjau persepsi peserta kajian serta membuat pemerhatian pengajaran kuliah dengan memberi perhatian kepada strategi dan teknik yang relevan ke arah memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional peserta kajian ini. Namun dalam kertas ini, penulis hanya akan membincangkan dengan lebih lanjut tentang aspek ‘input’ iaitu elemen latar belakang diri peserta kajian dalam memudahcara pemikiran moral pasca-konvensional.



Rajah 1. Kerangka konsep kajian.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Melalui reka bentuk kajian kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes, elemen yang memudahkan cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral yang kompleks sifatnya dapat digambarkan secara jelas dan holistik; hal ini kerana pendekatan ini memberi peluang pengkaji untuk memerhati dan meneliti proses atau peristiwa yang berlaku.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah persampelan bertujuan merupakan proses mengambil sampel daripada mana-mana individu dalam populasi yang memenuhi kriteria peserta kajian. Pemilihan peserta kajian secara '*purposive sampling*' adalah berdasarkan bahawa peserta kajian yang dipilih boleh menyampaikan maklumat tentang fenomena pemikiran moral secara holistik dan mendalam. Ini adalah bertepatan dengan dapatan oleh Creswell (2008) dan Gay, Mills dan Airasian (2006), bahawa peseta kajian mestilah terdiri daripada individu yang dapat memberikan maklumat terperinci berkaitan fenomena yang dikaji.

Seramai tujuh peserta kajian dari institusi pengajian tinggi telah terlibat dalam kajian yang dijalankan ini. Pengkaji terlebih dahulu telah mengenal pasti tahap pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral melalui satu set borang tinjauan tahap pemikiran moral "Skala Pemikiran Moral". Skala Pemikiran Moral yang mengandungi empat cerita yang setiap satunya mendukung satu dilema moral itu kemudiannya dikemukakan kepada peserta kajian untuk dijawab. Peserta kajian dikehendaki membuat keputusan dengan menyatakan tindakan yang perlu diambil dalam sesuatu dilema moral itu, diikuti dengan menyatakan sebab atau justifikasi kepada tindakan yang bakal diambil tersebut. Alasan-alasan terhadap tindakan yang dinyatakan itu akan digunakan untuk mengukur tahap pemikiran moral peserta kajian.

Kaedah temu bual semi berstruktur (separa berstruktur) digunakan dalam proses pengumpulan data kajian ini. Temu bual semi berstruktur atau dikenali sebagai temu bual secara mendalam atau *purposeful conversations* telah digunakan untuk mengumpul data yang subjektif dalam kajian ini. Rasional pemilihan kaedah temu bual semi berstruktur adalah kerana ia membolehkan peserta kajian berkongsi dan mengingati semula pengalaman latar

belakang diri mereka. Selain itu, bagi memastikan soalan yang diaju meliputi keseluruhan aspek yang ingin dikaji dalam kajian ini, pengkaji sentiasa merujuk kepada susunan temu bual dan senarai soalan temu bual. Temu bual semi berstruktur digunakan kerana ia berfungsi sebagai anak kunci utama untuk membuka kunci perspektif peserta kajian (*emic*) dan bukannya perspektif pengkaji (*etic*) terhadap isu pemikiran moral yang dikaji (Merriam, 2002).

Kajian ini turut menggunakan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Kaedah analisis dokumen dalam kajian ini bertujuan untuk mencari bahan yang relevan dengan persoalan dan tujuan kajian untuk memahami elemen latar belakang diri yang memudahkan cara pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral. Dokumen yang diperolehi daripada peserta kajian antaranya adalah catatan jurnal, sijil penghargaan, sijil pengiktirafan, sijil penyertaan aktiviti seminar atau kursus dan dokumen-dokumen lain yang menyumbang kepada maklumat yang diperlukan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Melalui temu bual dan maklumat yang diperolehi, wujud beberapa tema yang dapat menjelaskan tentang elemen latar belakang diri yang memudahkan cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Antaranya adalah, keluarga, agama, rakan sebaya, dan jati diri.

### Keluarga

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa elemen keluarga seperti interaksi keluarga, didikan keluarga dan status sosio ekonomi keluarga (SSE) memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Kebanyakan peserta kajian menyatakan pengalaman dibesarkan keluarga memberi pengertian dan nilai tertentu pada diri mereka. Pengalaman hidup bersama keluarga memberi makna yang tersendiri dalam mendidik fizikal, mental, emosi dan minda mereka. Menurut Huitt (1999), walaupun institusi pendidikan memainkan peranan penting terhadap pemikiran moral pelajar, namun pengaruh keluarga terhadap pemikiran moral individu tidak boleh dinafikan. Sebagai langkah untuk memastikan peserta kajian ini menjawab setiap soalan kajian yang diutarakan dengan ‘genuine’, pengkaji dengan sengaja tidak memberitahu skor ujian “Skala Pemikiran Moral” yang diperolehi mereka. Hal ini penting bagi memastikan peserta kajian menjawab soalan-soalan sesi temu bual secara semula jadi dan tidak semata-mata memikirkan bahawa beliau perlu menjawab setiap soalan temu bual dengan jawapan yang sepatautnya individu pada tahap pemikiran moral pasca-konvensional berikan.

#### *Interaksi keluarga*

Daripada temu bual yang dijalankan, peserta kajian menyatakan bahawa pengalaman interaksi keluarga harian bersama ibu bapa dan adik-beradik (yang ramai), menimbulkan sedikit konflik di mana dari situ timbul kepelbagaiannya dalam memikirkan sesuatu keputusan moral yang rasional. Menurut GM4, “... satu lagi adik beradik kan memang ramai sepuluh orang... kadang cara dia orang cakap ke, bagi pendapat ke memang buat saya banyak berfikir... Pada saya, interaksi dalam keluarga tu memang bagi kesan pada pemikiran moral saya la...”.

Berdasarkan perbualan dengan GM4, pengkaji mendapati fokus GM4 ialah kepada aspek interaksi bersama adik-beradik, ini kerana beliau merupakan anak bongsu dari keluarga yang mempunyai bilangan anak yang ramai iaitu sepuluh orang dan kebetulan jarak usia beliau dengan abang dan kakak agak jauh. Menurutnya “...kakak saya yang sulung dah 40-an..so kadang memang rasa macam ada *generation gap* dari segi cara dia bagi pendapat dan buat pertimbangan moral..tapi benda ni baik sebenarnya..kurang-kurang saya dapat fikir luar kotak umur saya kan...nak-nak kalau benda yang ada kaitan dengan akhlak atau moral...”. Baginya interaksi dengan kakak abang yang jauh lebih berusia daripadanya membuatkan dirinya lebih matang dalam pemikiran moral. Ini menunjukkan GM4 lebih terbuka dalam bergaul bersama ahli keluarga dan menganggap teguran yang diterima sebagai suatu yang positif selain membuat refleksi pemikirannya.

Menurut GM3, “...kadang anak muda sekarang kan suka ikut-ikut pakwe macam tu. Saya pun ada pengalaman tu, tapi bukan saya la, adik beradik saya...So bila macam tu sekarang saya lebih terbuka la dalam berfikir tentang hal-hal macam ni dan tak la terus salahkan orang-orang yang buat macam tu juga...”. Ini menunjukkan pengalaman membesar bersama adik-beradik yang mempunyai karenahnya yang tersendiri membuatkan GM3 lebih matang dalam membuat pertimbangan moral dan tidak berat sebelah. Temu bual bersama GM3 menunjukkan bahawa interaksi bersama ahli keluarga khususnya adik-beradik mampu dijadikan sebagai garis panduan atau contoh tauladan dalam membuat keputusan terhadap sesuatu konflik yang hampir sama, sekurang-kurangnya beliau lebih terbuka dalam membuat penilaian terhadap situasi moral yang di hadapi.

Berdasarkan temu bual, kebanyakan peserta kajian menganggap interaksi keluarga khususnya bersama adik-beradik, memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional mereka. Melalui interaksi keluarga, para peserta kajian berpeluang untuk membuat pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira baik atau buruk satu-satu keputusan yang ingin dibuat terhadap diri dan orang lain disekitarnya termasuk keluarga. Dapatkan ini menepati kajian oleh Recchia, Wainryb dan Pasupathi (2013), yang menyatakan bahawa pengalaman seharian dan konflik yang timbul daripada interaksi adik-beradik, ibu bapa mahupun rakan sebaya dapat memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional pelajar.

Walau bagaimana pun, dapatkan kajian terdahulu menyatakan interaksi adik-beradik dan rakan sebaya jika digabungkan, berupaya untuk memudah cara pemikiran moral pelajar, namun dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa interaksi keluarga tanpa bergabung dengan elemen lain, masih lagi berpotensi untuk memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Justeru, dalam memahami pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral, elemen interaksi keluarga sewajarnya diteroka dengan lebih mendalam.

### **Didikan keluarga**

Melalui temu bual yang dilakukan, didikan keluarga menurut GM7, diertikan sebagai cara GM7, nilai atau cara asuhan tersebut mampu memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional mereka. Ini kerana cara asuhan atau nilai tersebut kebanyakannya dijadikan sebagai pegangan hidup. Menurut GM7, “....macam saya sendiri...didikan keluarga tu memang menentukan pembawaan diri kita...cara kita fikir...macam mana kita gaul dengan kakak abang semua. Contoh saya kan anak bongsu, lain cara saya dibesarkan daripada adik-beradik lain. Ketegasan dalam keluarga tu lain...”. Menurut GM7, beliau mendapati ibunya lebih bertolak ansur dalam mendidik dirinya berbanding sewaktu membesarakan abang dan kakak. GM7 turut menyatakan, “...mungkin ibu saya dah agak berusia...sabar tu dah lebih sikit la...bapak pun dah tak ada sekarang...tapi walaupun macam tu abang kakak pulak yang ambil alih tempat ibu bapak..dorang pulak yang garang...tegas pada saya...hahaha...”. Ini menunjukkan cara asuhan ibu bapa agak berbeza selari dengan peningkatan usia mereka. Namun begitu, peranan mengasuh diambil alih oleh adik-beradik yang lebih tua daripada GM7. Dan hal itu memastikan beliau untuk tetap membesar di dalam nilai ketegasan yang dipegang keluarganya.

Tidak jauh berbeza dengan GM7, menurut GM4 didikan keluarga amat penting dalam mengubah cara pemikiran moralnya. Menurut GM4:

...saya rasa keluarga dan adik-beradik sangat penting dalam hidup saya. Macam saya ada kakak dan abang semua. So, bila buat salah mesti dia orang tegur. Kira didikan keluarga sangat pengaruhi saya la...maknanya tiap keputusan yang saya nak buat tu mesti fikir keluarga...”.

Ini menunjukkan didikan keluarga menjadikan GM4 lebih peka dalam memikirkan kesan tindakan yang diambil terhadap diri dan keluarga. Ini juga menunjukkan didikan keluarga memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional peserta kajian, kerana apa sahaja keputusan yang ingin diambil, kesannya pasti difikirkan terhadap individu sekeliling. Secara tidak langsung ia memupuk sikap ‘*caring*’ dan tidak mementingkan diri sendiri semata-mata dalam diri peserta kajian ini.

Frankenberg (2012), mendapati corak bimbingan dan kawalan dalam keluarga mampu memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional seseorang dengan cara mewujudkan satu kefahaman, seseorang itu bertanggung jawab sebagai ‘ejen moral dalam mengawal diri’ dan membuat keputusan moral yang terbaik, bukan untuk diri sendiri sahaja malahan individu lain. Ini menunjukkan dapatkan kajian ini diperkuuh oleh dapatkan kajian lalu yang menyatakan cara asuhan dan didikan keluarga merupakan elemen penting yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral.

### **Status sosio ekonomi keluarga**

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa peserta kajian terdiri daripada latar belakang status sosio ekonomi (SSE) sederhana atau rendah. Status sosio ekonomi (SSE) sederhana atau rendah dalam kajian ini ditakrifkan sebagai pendapatan kasar isi rumah keluarga peserta kajian tidak melebihi RM3,500. Data berkenaan pendapatan isi rumah ini diperolehi semasa proses ‘*rapport*’ iaitu membina hubungan bersama peserta kajian. Dapatkan kajian ini yang berkait dengan status sosio ekonomi (SSE) memudah cara pemikiran moral hampir menyamai kajian oleh Sachdeva (2012) yang mengkaji berkenaan faktor sosio-ekonomi keluarga yang berkait dengan pemikiran moral individu.

Dalam laporannya, Sachdeva (2012) menyatakan bahawa perbezaan status sosio-ekonomi bukan sahaja memberi kesan terhadap tahappemikiranmoral, bahkan mempengaruhi tanggapan diri seseorang terhadap nilai moral yang dipegang kelompoknya (yang mempunyai tahap sosio-ekonomi sederhana dan rendah). Kelompok yang mempunyai

status sosio-ekonomi yang rendah dan sederhana dikatakan mempunyai kaedah pemikiran moral yang sama (Sachdeva, 2012). Menurut GM5, walau bagaimana sekalipun, setiap pilihan yang ada perlu dipertimbangkan sewajarnya kerana dia bukanlah berasal dari keluarga berada:

“...saya ni asal dari keluarga pendapatan sederhana...sejak kecik, saya selalu fikir bagaimana nak bantu ibu saya, keluarga saya. Akhirnya saya buat keputusan mesti belajar sungguh-sungguh dan jangan permudahkan pengorbanan ibu selama ini...itu sebabnya apa saya ingin lakukan, mesti fikir...sebab kalau saya buat kesilapan, ibu juga akan susah hati...keluarga akan malu...”.

Dapatkan ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa status sosio ekonomi (SSE) keluarga mampu memudah cara pemikiran moral dan nilai moral seseorang untuk menilai situasi, seterusnya membuat keputusan atau tindakan moral (Sachdeva et al., 2012). Dapatkan temu bual menunjukkan bahawa pengalaman dibesarkan dalam latar belakang keluarga yang mempunyai SSE sederhana mahupun rendah mampu membentuk peribadi seseorang, dengan memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional mereka. Mereka lebih matang dalam membuat sesuatu penilaian dan membuat sebarang keputusan moral yang melibatkan diri ataupun orang lain. Ini menunjukkan bahawa status sosio ekonomi jenis sederhana dan rendah mempunyai peranan memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral.

### Pegangan agama

Kebanyakan peserta kajian ini menyatakan bahawa agama amat penting dalam hidup mereka. Elemen agama dalam kajian ini diertikan sebagai aspek kepercayaan dan pegangan agama peserta kajian. Kajian oleh Mohd Daud Hamzah (2000) mendapati pelajar di universiti mencapai skor yang tinggi bagi nilai moral dan kerohanian yang dikatakan berkait rapat dengan pegangan agama mereka. Dapatkan kajian tersebut memberi petunjuk awal bahawa pegangan agama sebagai pemudah cara untuk seseorang mencapai pemikiran moral yang paling rasional (Aswati, 2007). Kohlberg (1963) dalam Lapsley (1996) juga berpendapat kepercayaan dan keimanan yang teguh dalam sesuatu agama akan mengesahkan kemoralan seseorang dan memandu pemikiran moralnya kepada satu dimensi yang objektif. Dalam kajian ini, secara kebetulan peserta kajian terdiri daripada latar agama yang berbeza, iaitu Islam, Buddha, Kristian dan Hindu, tetapi temu bual yang dijalankan mendapati bahawa kesemua peserta kajian menjadikan agama sebagai panduan utama dalam hidup mereka dan dalam membuat sebarang pertimbangan.

Sebagai contoh, GM1 yang beragama Kristian menyatakan bahawa “...agama tu tiang kita, apa benda kita buat...walau pun moral ni tentang nilai dan penaakulan kita, tapi apa pun kita kena balik pada agama juga. Agama membentuk kita, jadi darah daging kita..”. Ini menunjukkan bahawa GM1 amat menitikberatkan pegangan agama yang kukuh dalam kehidupan sehariannya sehingga beranggapan bahawa ia suatu yang sebatی dalam diri dan memudah cara pemikiran moralnya. Selain itu, bagi GM2 yang beragama Islam, “...apa-apa pun yang kita nak buat..yang kita nak fikir..mesti landaskan pada agama..macam agama kita Islam tu dah lengkap..kita patutnya lebih jelas tentang macam mana nak buat pemikiran moral..bukan ikut-ikut je..” Apa yang diperkatakn oleh GM2 ini mempunyai persamaan dapatan kajian oleh Azizah Ahmad (1995) dalam Aswati (2007), yang melaporkan bahawa pemikiran moral pelajar Islam adalah berdasarkan ketauhidan kepada Allah. Hal ini jelas menunjukkan pegangan agama memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional peserta kajian yang berbilang agama. Dapatkan kajian elemen agama sebagai pemudah cara pemikiran moral pasca-konvensional ini disokong oleh dapatan lalu yang melaporkan, wujud hubungan yang penting antara aspek pemikiran moral dengan aspek keagamaan individu (Sapp & Gladding, 1989). Kajian oleh Jas Laile SuzanaJaafar (1999), melaporkan bahawa pemikiran moral pasca-konvensional dimudah cara oleh adat resam dan kepercayaan terhadap ajaran agama tertentu. Ini bermaksud kepercayaan yang kukuh terhadap ajaran agama memungkinkan peserta kajian untuk memiliki pemikiran moral pasca-konvensional.

### Rakan sebaya

#### *Kemahiran Interpersonal*

Kajian terdahulu telah mengenal pasti kesan kurikulum dalam memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional pelajar melalui pergaulan dengan rakan sebaya sewaktu menjayakan aktiviti kurikulum (Mayhew, 2008). Menurut GM1, melalui aktiviti kurikulum yang disertainya, beliau dapat berinteraksi dan bekerjasama dengan pelbagai individu, lebih-lebih lagi dengan rakan sebaya. Ini memberi pengalaman kepada beliau tentang bagaimana untuk membuat pemikiran moral yang wajar dalam berdepan dengan konflik yang timbul, di samping meningkatkan kemahiran interpersonal diri. Menurut GM1, “...kalau kita aktif kurikulum ni kita terdedah dengan pelbagai jawatan dan bergaul dengan kawan-kawan lain...yang pelbagai pandangan. Bila kita dah terlibat dengan

benda tu, sikit sebanyak membentuk cara kita berfikir...secara tak langsung kita tahu macamana nak bergaul dengan lebih baik”.

Dapat diperhatikan bahawa pengalaman negatif bersama rakan sebaya menimbulkan perasaan waspada pada diri GM2 dan membuatnya lebih berusaha untuk berfikir dengan rasional. Ini sedikit sebanyak melatih pemikiran moral pasca-konvensional GM2. Dapatkan ini hampir sama dengan kajian oleh Youniss (2009), yang berpendapat pemupukan pemikiran pasca-konvensional adalah lebih cenderung untuk berlaku dalam konteks institusi dan melalui interaksi interpersonal bersama rakan sebaya. Pembentukan pemikiran moral yang matang adalah salah satu matlamat yang harus dicapai dan interaksi rakan sebaya dilihat sebagai mekanisme untuk memupuk pemikiran moral pasca-konvensional (Youniss, 2009).

Dapatkan kajian ini menunjukkan elemen rakan sebaya mempunyai peranan penting dalam memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Hal ini bertepatan dengan dapatkan kajian terdahulu yang menunjukkan kekerapan bergaul dengan rakan sebaya dan mengikuti aktiviti kokurikulum merupakan elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional pelajar (Finger, Borduin, & Baumstark, 1992). Jika diperhatikan, dapatkan kajian ini mempunyai sedikit perbezaan dengan dapatkan kajian terdahulu di mana dapatan kajian ini tidak menyebut tentang kekerapan bergaul dengan rakan sebaya.

### **Empati**

Kajian ini mendapati bahawa pengalaman bergaul bersama rakan sebaya yang berasal daripada latar budaya yang berbeza menimbulkan kefahaman dan rasa empati terhadap kepelbagaiannya individu lain. GM5 menyatakan bahawa, “sebelum datang sini memang kurang faham budaya Melayu...lepas datang sini...join aktiviti dengan mereka...bergaul sama-sama, baru saya faham dan tahu. Dulu saya azan pun tak tahu apa itu, sebab saya duduk di pedalaman, jarang ada orang Melayu...saya pun tak pernah tahu orang Melayu sembahyang lima kali sehari. Tapi sekarang saya lebih faham, tahu dan boleh hormat budaya mereka. Jadi kita lebih sensitif la apa pantang larang satu-satu kaum tu”.

Di sini dapat diperhatikan bahawa pembentukan pemikiran moral melibatkan tugas memahami bagaimana cara hidup yang berbeza dalam kalangan orang lain di seluruh situasi harian termasuk rakan sebaya. Daripada temu bual, jelas memperlihatkan GM5 berusaha untuk mengadaptasi kehidupan kampusnya dengan cara memahami dan menghormati cara hidup dan nilai moral yang berbeza dalam kalangan rakan sebaya, kemudian menterjemahkannya kepada konteks kepelbagaiannya budaya yang harus beliau terima dan pelajari. Pemikiran moral pasca-konvensional dimudah cara melalui bagaimana peserta kajian berfikir untuk bertindak dalam keadaan apabila nilai ibu bapa mereka menentukan tindak balas yang berbeza daripada kod moral dengan rakan-rakan, institusi pendidikan, atau dalam konteks pergaulan. Pemikiran moral pasca-konvensional peserta kajian ini juga dimudah cara oleh pengalaman hidup yang berbeza iaitu sama ada wujud situasi rakan sebaya menghormati nilai-nilai peserta kajian atau sebaliknya.

Kajian ini menunjukkan bahawa interaksi dengan rakan sebaya dalam aktiviti seharian memberi peluang peserta kajian untuk lebih empati terhadap perbezaan individu, dan secara tidak langsung memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional mereka. Dapatkan ini adalah selari dengan dapatkan kajian terdahulu yang mendapati bahawa interaksi bersama rakan sebaya yang berbeza kaum, dan perbincangan tentang isu perkauman dengan individu lain mempunyai pengaruh terhadap pemikiran moral seseorang (Chang, 1998). Melalui perbezaan yang mungkin wujud, baik dari segi nilai, cara berfikir mahupun cara hidup, dapat memupuk persefahaman (empati) dan kemahiran interpersonal dalam kalangan peserta kajian seterusnya mematangkan pemikiran moral pasca-konvensional.

### **Jati diri**


Peserta kajian ini menyatakan bahawa apa yang penting adalah jati diri dan tidak mudah terikut-ikut dengan apa pun dalam membuat sebarang pertimbangan moral. Begitulah juga halnya dengan membuat sebarang keputusan, peserta kajian menyatakan pandangan tentang perlunya untuk mempunyai jati diri dalam pergaulan seharian dan tahu untuk membawa diri. Kerana menurut peserta kajian, elemen jati diri menentukan bagaimana pemikiran moral seseorang dalam berhadapan dengan pengaruh rakan sebaya. Menurut GM1, jati diri yang utuh membuat seorang matang dalam aspek pemikiran moral dan dalam bertindak justeru memudahkannya untuk menyesuaikan diri untuk bergaul dalam apa keadaan tanpa mudah dipengaruhi oleh anasir luar. Menurut GM1, "...sebab pada saya bukan halnya untuk kawan dengan sesiapa, yang penting saya tak terikut-ikut orang tu. Maksudnya kat sini jati diri kita, sikap kita tu yang memandu pemikiran moral kita. Itu yang saya faham la...".

Menurut GM1 beliau menganggap bahawa perlunya untuk bergaul dan berkawan tanpa terlalu memilih, perkara yang perlu dititik beratkan menurutnya adalah sejauh mana seseorang itu berpegang teguh terhadap jati

dirinya termasuk nilai moral yang diterapkan keluarga, pegangan agama yang dianuti dan prinsip diri yang dipegang. Menurutnya berkawan dengan ramai orang akan lebih mematangkan pemikiran moral beliau. “bila kawan dengan ramai orang ni..automatik kita jadi lebih dewasa dalam berfikir dan bertindak...”. Dapatkan ini disokong oleh Trope dan Liberman (2010) yang mendapati bahawa jati diri mampu memudah cara penilaian moral dan pemikiran moral seseorang. Menurut Aswati (2007), rakan sebaya mampu mempengaruhi akhlak dan pemikiran moral remaja, justeru elemen agama dan jati diri yang utuh mampu menjadi benteng diri. Dapatkan kajian ini memperkuat kerangka teori kajian ini yang menerangkan tentang pengaruh karakteristik mahupun personaliti diri dalam memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral.

### Rumusan Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan yang telah dibincangkan, elemen latar belakang diri yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral ialah, keluarga, agama, rakan sebaya dan jati diri. Daripada elemen-elemen tersebut, muncul sub elemen tertentu dalam menjelaskan lebih lanjut tentang elemen-elemen yang memudah cara pemikiran moral pasca-konvensional guru pelatih Pendidikan Moral. Ini menunjukkan bahawa elemen latar belakang diri seperti keluarga, agama, rakan sebaya dan jati diri penting untuk diterokai dalam memahami dan memperbaiki tahap pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral. Namun ini tidak bermakna hanya elemen-elemen seperti yang dibincangkan tadi sahaja yang memudah cara pemikiran moral. Pengkaji tidak menolak kemungkinan wujud elemen-elemen lain yang boleh memudah cara pemikiran moral. Secara ringkas dapatan kajian ini dapat digambarkan melalui rajah berikut;



*Rajah 2. Rumusan dapatan kajian.*

### CADANGAN

Cadangan adalah meliputi aspek yang perlu dipertimbangkan dalam menjalankan kajian berkenaan pemikiran moral guru pada masa datang, dan cadangan dari segi langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak tertentu dalam memudahcara pemikiran moral guru Pendidikan Moral.

1. Kajian kes kualitatif yang berfokus kepada konteks dan bilangan peserta kajian yang terhad ini dapat digeneralisasikan jika penambahbaikan kajian akan datang dijalankan.
  - a) Kajian ini hanya menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif terhadap tujuh orang guru pelatih Pendidikan Moral sahaja. Oleh itu, untuk kajian akan datang seharusnya lebih ramai peserta kajian dilibatkan untuk memberi gambaran lebih menyeluruh dan dicadangkan supaya kedua-dua pendekatan kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk memantapkan lagi metodologi kajian berkenaan elemen pemudahcara pemikiran moral guru pelatih.
  - b) Kajian selanjutnya dilakukan dalam bentuk kuantitatif dengan pendedahan hipotesis yang akan menentukan perubahan boleh ubah kajian.

2. Dengan mengambil kira dapatan kajian ini, antara cadangan yang disarankan kepada pihak berkepentingan adalah:
- a) melalui dapatan kajian ini, pihak ibu bapa seharusnya lebih jelas tentang pengaruh elemen keluarga ke atas pemikiran moral anak-anak. Justeru dicadangkan bahawa ibu bapa mengambil kira peranan elemen interaksi keluarga serta didikan agama dalam memudahcara pemikiran moral anak ke tahap yang optimum;
  - b) bagi pihak pensyarah mahupun pendidik, disarankan supaya lebih menekankan teknik atau kaedah pengajaran dan pembelajaran aktif yang lebih bersesuaian dengan pengalaman dan latar belakang guru pelatih bagi memudahcara pemikiran moral mereka ke tahap terbaik.

## RUJUKAN

- Aroff, A. R. M. (1984). Matlamat pendidikan moral: Suatu penilaian terhadap matlamat projek pendidikan moral di Malaysia. *Pendidik dan Pendidikan*, 6, 52-59.
- Aroff, A. R. M., & Chang, L. H. (1994). *Pendidikan Moral*. Petaling Jaya., Malaysia: Longman.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications &Distributors.
- Aswati Hamzah. (2007). *Satu kajian skema taakulan akhlak dalam kalangan pelajar Melayu*. (Tesis Ph.D. Universiti Sains Malaysia).
- Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia*. (Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Balakrishnan, V. (2004). Penggunaan dilema kehidupan sebenar (*real-life*) dalam pengajaran Pendidikan Moral. *Jurnal Pendidikan*, 24.
- Balakrishnan, V. (2006). Role of religion in moral decision-making in a pluralistic society. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 29, 15-26.
- Chang, L. H. (1994). Using dilemma vignettes in a study on moral reasoning of Malaysian students. *Journal of Educational Research*, 19, 47 – 68.
- Chang, L. H. (1998). *Moral reasoning of Malaysian students: A study on choices of action, values, and orientations of 16 year-old students* (Doctoral dissertation, Macquarie University).
- Chang, L. H. (2007). Moral reasoning. In Fatimah Hashim & Lihanna Borhan (Eds.), *A statistical snapshot of the 18 year old Malaysian adolescent*(pp. 100 -123). Kuala Lumpur: Institute Sosial Malaysia, Ministry of Women, Family and Community Development.
- Chang, L. H. (2006). Teachers as agents of values: Malaysian perspective. *Jurnal Pendidikan*, 26, 51-60.
- Creswell, J. W. (2002). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Creswell, J. W. (2008). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Finger, W., Borduin, C., & Baumstark, K. (1992). Correlates of moral judgement development in college students. *Journal of Genetic Psychology*, 153(3), 221-223.
- Frankenberg, S. J., Rindstedt, C., Rubenson, B., & Holmqvist, R. (2012). Being and becoming a responsible caregiver: Negotiating guidance and control in family interaction in Tanzania. *Journal of Childhood*. DOI: 10.1177/0907568212471405

- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2006). *Educational research: Competencies for analysis and applications*. San Francisco, CA: SAGE.
- Huitt, W. (1995). The teaching-learning process: A discussion of models. *Educational Psychology Interactive*.
- Huitt, W. (1999). Conflation as an important factor of mind. *Educational Psychology Interactive*, 9.
- Huitt, W. (2004). Moral and character development. *Educational Psychology Interactive*. Valdosta, GA: Valdosta State University. Retrieved from <http://www.edpsycinteractive.org/morchr/morchr.html>
- Jas Laile Suzana Jaafar. (1999). *Flexibility in the moral reasoning of Malay teenagers and their parents* (Doctoral dissertation, Lancaster University).
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan belia*. Shah Alam: Arah Pendidikan.
- Kohlberg, L. (1976). Moral stages and moralization: The cognitive-developmental approach. In T. Lickona (Ed.), *Moral development and behavior: Theory, research and social issues* (pp. 67-78). New York, NY: Holt, Rinehart & Winston.
- Kohlberg, L. (1981). *The meaning and measurement of moral development*. Worcester, MA: Clark University Press.
- Kohlberg, L., & Gilligan, C. (1971). The adolescent as a philosopher: The discovery of the self in a postconventional world. *Journal of Early Adolescence*, 100(4), 1051-1086.
- Kohlberg, L., & Mayer, R. (1972). Development as the aim of education. *Harvard Educational Review*, 42(4):449-496.
- Laporan Awal Pelan Pendidikan Malaysia 2013-2025(2012). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lapsley, D. K. (1996). *Moral psychology*. Boulder, CO, US: Westview Press.
- Malaysia, Ministry of Education (2000). *Moral Education syllabus for secondary schools*. Kuala Lumpur: Curriculum Development Centre.
- Mayhew, M. J. (2005). Curriculum matters: Creating a positive climate for diversity from the student perspective. *Research in Higher Education*, 46(4), 389-412.
- Mayhew, M. J., Seifert, T. A., & Pascarella, E. T. (2012). How the first year of college influences moral reasoning development for students in moral consolidation and moral transition. *Journal of College Student Development*, 53(1), 19-40.
- Mayhew, M. J., Seifert, T. A., Pascarella, E. T., Nelson Laird, T. F., & Blaich, C. F. (2012). Going deep into mechanisms for moral reasoning growth: How deep learning approaches affect moral reasoning development for first-year students. *Research in Higher Education*, 53(1), 26-46.
- Mensch, K. G. (2009). *Belief and moral judgment: Considering implications of a religious paradox in neo-Kohlbergian moral reasoning* (Doctoral dissertation, Regent University).
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education. Revised and Expanded from "Case Study Research in Education"*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Merriam, S. B. (2002). Introduction to qualitative research. *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*, 1, 1-17
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd. Daud Hamzah. (2000). *Perkembangan kanak-kanak dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

- Recchia, H., Wainryb, C., & Pasupathi, M. (2013). "Two for flinching": Children's and adolescents' narrative accounts of harming their friends and siblings. *Journal of Child development*, 1(3), 12-24.
- Sachdeva, S., Singh, P., & Medin, D. (2012). Culture and the quest for universal principles in moral reasoning. *Journal of Psychology*, 46, 161–176.
- Sapp, G. L., & Gladding, S. T. (1989). Correlates of religious orientation, religiosity, and moral judgment. *Counseling and Values*, 33(2), 140-145.
- Trope, Y., & Liberman, N. (2010). Temporal construal and time dependent changes in preference. *Journal of Personality and Social Psychology*, 79(1), 876-889.
- Youniss, J. (2009). When morality meets politics in development. *Journal of Moral Education*, 38, 129-144.